NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#29

29 Ogos 2024 – 4 Sept 2024

PENULIS NEXUS
KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**nexus**

ISI KANDUNGAN

Prestasi MAS Jatuh: Kebetulan atau Terancang? 2
Dong Zong, Jiao Zong Tolak Bahasa Melayu 5
Reformasi Institusi Alat Menekan Penjawat Awam 8
Malaysia Tidak Cukup Bayi 10
SG4 Wujudkan Ekosistem Pelaburan Dinamik 13

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Prestasi MAS Jatuh: Kebetulan atau Terancang?

- Tahun ini, industri penerbangan menghadapi pelbagai isu yang menimbulkan keresahan rakyat. Antaranya ialah penjualan saham MAHB kepada Blackrock, sebuah syarikat yang didakwa menyumbang kepada serangan Israel terhadap rakyat Palestin yang tidak bersalah. Tambahan pula, cadangan Khazanah Nasional untuk memperkukuh kedudukan MAHB di peringkat antarabangsa ini telah membuka ruang kepada warga asing untuk terlibat dalam sektor kritikal negara.

- Selain itu, Malaysia Airlines (MAS) kini menjadi tumpuan utama kerana dalam tempoh tiga bulan sahaja (Julai, Ogos, dan September 2024), **hampir tujuh penerbangan terpaksa berpatah balik** ke Malaysia atau melakukan pendaratan cemas akibat masalah teknikal.

- Insiden sebegini berpotensi menggugat keyakinan pelanggan terhadap MAS kerana kedudukan strategik syarikat sebagai **pemegang lesen** untuk beroperasi dengan perkhidmatan penuh (Full Carrier Services, FCS) mungkin terjejas.

- Antara faktor yang mempengaruhi keadaan tersebut adalah **kelewatan perolehan alat ganti** akibat gangguan rantaian bekalan global. Selain itu, wujud kemungkinan kakitangan MAS seperti jurutera pesawat yang berkemahiran **berhijrah** ke SIA Engineering Company (SIAEC), sebuah syarikat yang dimiliki oleh Singapore Airlines yang baru beroperasi tahun lalu.

- Ada benarnya apa yang didakwa kerana SIAEC pasti sedar bahawa pengambilan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah faktor utama kejayaan mereka. Di mana lagi mahu dicari tenaga kerja melainkan tenaga kerja sedia ada.

- Justeru, kegagalan mengurus perkara ini dengan baik melibatkan pengurusan risiko supaya MAS tidak terkesan hasil daripada dasar kerajaan dan GLC

ataupun meningkatkan jumlah graduan jurutera pesawat, merupakan kesilapan yang besar.

- Dalam hal ini, **Kementerian Pengangkutan** dan **Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia** (CAAM) perlu segera bertanggungjawab dengan menyiasat perkara tersebut bagi memastikan industri penerbangan tempatan dijamin adil untuk semua.
- **Khazanah Nasional** sebagai pemegang saham utama MAS sepatutnya dapat menjangkakan situasi ini. Jika ia merupakan kesan tidak langsung daripada keputusan Khazanah, mereka perlu segera memperbaiki keadaan ini. Jika ini adalah usaha terancang bagi menjatuhkan reputasi MAS, CAAM dan MOT perlu bertanggungjawab.
- Melalui isu ini, kerajaan dilihat seolah-olah mewujudkan persaingan yang tidak adil terhadap MAS. Bahkan dengan kedudukan kewangan SIAEC yang kukuh, berkemungkinan besar pekerja dibayar dengan mata wang Singapura berbanding mata wang ringgit, boleh menjadi faktor ramai berhijrah ke sana.
- Sepatutnya kerajaan melihat potensi untuk memiliki SIAEC di mana mereka yang menawarkan perkhidmatan kepada syarikat kita, bukannya membuka syarikat untuk bersaing dengan syarikat penerbangan tempatan. Namun, melalui Tinjauan Tahunan Khazanah 2024 mendapati MAS berada dalam kedudukan yang kukuh. Malah, langkah-langkah untuk menangani isu-isu tersebut sudah pun dirancang.
- Dalam pada itu, kenyataan yang dibuat oleh PMX yang mendakwa bahawa keputusan-keputusan yang tidak telus oleh pentadbiran terdahulu telah memberi peluang kepada kroni untuk merosakkan syarikat-syarikat perlu dibuktikan.
- Tiada gunanya Perdana Menteri menunding jari menyalahkan orang lain. Apa yang kerajaan dahulu usahakan berjaya, ditimang-timang seperti anak emas,

tetapi yang buruk dilempar ke sana sini. Atasilah isu ini dengan tenang, tanpa menimbulkan masalah lain daripada kerajaan ibarat tikus membaiki labu.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/683760/berita/nasional/audit-mas-secara-menyeluruh
- https://www.khazanah.com.my/our-performance/khazanah-annual-review/
- https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/03/1222248/malaysia-airlines-berjaya-tunjuk-prestasi-baik

Dong Zong, Jiao Zong Tolak Bahasa Melayu

- Isu penggunaan Bahasa Melayu di sekolah bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tampaknya masih belum reda apabila minggu lalu, sembilan **institusi pendidikan Cina** dengan angkuh membuat kenyataan menolak inisiatif KPM untuk menyelaras silibus berkenaan di sekolah rendah vernakular.

- Institusi pendidikan Cina itu adalah Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Selangor dan Kuala Lumpur.

- Institusi lain ialah Majlis Bahasa Cina Malaysia, Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Besar Malaysia, Institut Pengajian Cina UTAR, Majlis Pengetua Sekolah Menengah Conforming Malaysia, Majlis Guru Besar SJKC Malaysia dan Persatuan Ibu bapa Pendidikan Cina Malaysia.

- Menurut Presiden Jiao Zhong, Cheah Lek Aee, faktor penolakan untuk menyelaras silibus Bahasa Melayu di sekolah rendah vernakular adalah kerana **bahasa ibunda pelajar** sekolah Cina adalah bukan bahasa Melayu. Justeru, sekolah vernakular tidak boleh menggunakan silibus sama seperti pelajar sekolah kebangsaan yang lain.

- Isu tersebut mendapat pelbagai respon negatif dan kecaman pelbagai pihak yang melihat tindakan sembilan institusi pendidikan Cina itu sebagai tidak matang malahan melanggar semangat perpaduan dan kontrak sosial yang telah dipersetujui sejak sebelum Merdeka.

- Pakar psikososial dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Zulkeflee Yaacob berkata, tindakan institusi pendidikan Cina tersebut disifatkan masih **berilusi imigran** di bawah naungan kolonial. Katanya, institusi berkenaan

disifatkan tidak patriotik dan berlawanan prinsip Rukun Negara iaitu kesetiaan kepada Negara, Kedaulatan Undang-undang dan Keluhuran Perlembagaan.

- Selain itu, Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Emeritus Datuk Dr Teo Kok Seong turut menempelak kelompok institusi yang menolak inisiatif KPM sebagai satu **tindakan jahil** tentang kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa negara.



- Beliau turut melabel kumpulan tersebut sebagai **cauvinis** kerana berhujah mengatakan Bahasa Melayu bukan bahasa ibunda etnik Cina untuk menolak inisiatif KPM tersebut.
- Sementara itu, Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) pula tampil membuat laporan polis terhadap Persekutuan Dong Zong yang didakwa melanggar kontrak sosial berhubung penolakan mereka mengenai insiatif kerajaan yang mahu menyelaras silibus Bahasa Melayu di sekolah rendah vernakular.
- Manakala, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) membuat gesaan kepada KPM agar **menarik balik segala keistimewaan** diberikan kepada

mana-mana Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang membantah penyelarasan silibus Bahasa Melayu sekolah rendah vernakular.

- Malahan, Presiden Perkasa, Syed Hassan Syed Ali turut berpandangan, kerajaan perlu **menutup institusi pendidikan vernakular** sekiranya sistem pengurusannya terus menolak pelaksanaan silibus Bahasa Melayu di sekolah tersebut.
- Hakikatnya, isu penggunaan Bahasa Melayu ini sepatutnya sudah tidak berbangkit apabila negara kita sudah 67 tahun mencapai kemerdekaan. Semua rakyat tanpa mengira kaum juga sewajarnya sudah faham dan jelas akan perlembagaan dan identiti masing-masing sebagai sebuah keluarga, rakyat Malaysia.
- Namun, disebabkan kelompok kecil yang terus berdegil seperti ini, negara bakal dilihat masih gagal menanam jati diri dan identiti bangsa Malaysia yang merupakan tunjang nasionalisme dan perpaduan antara masyarakat.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/683632/berita/nasional/tolak-silibus-bahasa-melayu-kpm-digesa-tarik-segala-bantuan
- https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/tutup-sekolah-vernakular-yang-tidak-terima-bahasa-melayu-perkasa/
- https://themerdekatimes.com/news/2024/08/jahil-tolak-bahasa-melayu-sebagai-bahasa-kebangsaan-sjkc-harus-faham-dasar-bahasa-negara-kok-seong/

Reformasi Institusi Alat Menekan Penjawat Awam

- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan kerajaan akan menubuhkan **Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan** bagi menangani isu pertindihan fungsi dan menjimatkan dana negara. Sekretariat yang ditubuhkan itu akan bertugas serta-merta dalam usaha kerajaan melaksanakan pembaharuan membabitkan perkhidmatan awam.

- Badan berkanun persekutuan yang dimaksudkan adalah agensi separa kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA); FGV Holdings Berhad, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA), Lembaga Tabung Haji, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

- Beliau memaklumkan pada masa ini terlalu banyak **pertindihan** berlaku dalam fungsi badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan itu sehingga menyebabkan keterlanjuran kewangan dan mendorong ke arah perbelanjaan tidak terkawal.

- Agak menghairankan jika Perdana Menteri menyebut berlaku banyak pertindihan fungsi kerana setiap badan berkanun mempunyai **tujuan penubuhannya** yang mana menjadi objektif ia ditubuhkan dan kepada siapa manfaat akan disalurkan.

- Pendekatan yang digunakan oleh Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg nampaknya lebih baik bagi tatakelola badan berkanun di mana Kerajaan Sarawak **tidak lagi menyuntik sebarang dana** bagi perbelanjaan modal kepada dua badan berkanun negerinya, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC) dan Lembaga Pembangunan Bintulu (BDA) yang berkuatkuasa 2027.

- Ia berikutan kedua-dua badan itu berpotensi untuk berdikari sendiri dengan pelaburan masing-masing selain memulakan budaya organisasi baharu untuk tidak terlalu bergantung kepada kerajaan.

- Selain itu, Perdana Menteri juga berkata langkah 'reformasi' itu termasuk **pelantikan pengerusi dan ahli lembaga pengarah** di badan-badan berkanun bagi memastikan tahap tatakelola pengurusan kewangan lebih baik. Adapun sejauh mana pelantikan itu menepati hasrat yang diharapkan masih menjadi persoalan, ataupun pelantikan itu hanyalah ingin meletakkan orang-orang berkepentingan yang dianggap perlu bagi mengukuhkan kerajaan sahaja.

- Dalam waktu yang sama, kerajaan juga mengumumkan beberapa perubahan penempatan dan pelantikan baharu bagi jawatan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam melibatkan 12 individu termasuk ketua setiausaha kementerian dan pengarah jabatan.

- Reformasi institusi terhadap sektor pekerjaan khususnya penjawat awam ini seolah-olah menjadi perkara biasa dalam kerajaan hari ini dan dicanang itulah manifesto yang hendak dilakukan. Namun, **manifesto sebenar** berkenaan Pemisahan Kuasa Pendakwa Raya-Peguam Negara, lantikan jawatan-jawatan utama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dan Ketua Polis Negara perlu disemak oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen serta penubuhan Akta Pendanaan Politik masih diam seribu bahasa.

RUJUKAN


- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sekretariat-ditubuh-elak-pertindihan-fungsi-jimat-perbelanjaan-negara-pm-anwar-486254
- https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/06/1263276/kerajaan-sarawak-henti-suntik-dana-kepada-sedc-bda-mulai-2027
- https://www.buletintv3.my/nasional/12-pengurusan-tertinggi-perkhidmatan-awam-tukar-jawatan-lantikan-baharu/

Malaysia Tidak Cukup Bayi

- Malaysia dijangka akan menjadi **negara tua** menjelang tahun 2035 apabila 15 peratus warganya berusia 60 tahun dan ke atas. Selain ini merupakan antara petunjuk bahawa perkhidmatan kesihatan dan penjagaan warga tua semakin baik, ia turut didorong oleh senario **penurunan kadar kelahiran** yang cukup membimbangkan.

- *Total fertility rate* (TFR) atau **kadar kesuburan jumlah** merupakan indikator yang mengukur bilangan purata anak yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang hidupnya. Manakala *replacement level* atau **paras penggantian** ialah kadar kesuburan di mana satu-satu populasi boleh diganti dari satu generasi ke generasi yang seterusnya tanpa migrasi, iaitu pada kadar 2.1.

- Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 10 negeri dan 3 wilayah persekutuan telah mencatatkan TFR di bawah paras penggantian bagi tahun 2022, dengan **Pulau Pinang** dan **Kuala Lumpur** menunjukkan kadar terendah iaitu 1.2. **Sabah** pula merekodkan penurunan yang paling ketara apabila mencapai kadar TFR 1.4 pada tahun 2022 berbanding 5.5 pada tahun 1980.



- Hanya **tiga negeri sahaja** yang melahirkan bayi yang mencukupi untuk menggantikan penduduk mereka iaitu Terengganu (2.9), Kelantan (2.7) dan Pahang (2.1).
- Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyebut TFR Malaysia mula menurun di bawah paras 2.1 sejak tahun 2013 dan senario itu boleh dilihat merentasi kesemua kaum, **kecuali Melayu**. Malah, bayi yang dilahirkan oleh kaum Melayu hanya mencatatkan 59% daripada keseluruhan bayi yang dilahirkan pada tahun 2000, tapi peratus itu meningkat kepada 72% pada 2022.

Kaum	Kadar Kesuburan Jumlah (TFR)		Kelahiran Bayi	
	1991	2022	2000	2022
Melayu	4.0	2.1	303,782	291,353
Bumiputera lain	4.2	1.7	60,498	52,928
Cina	2.5	0.8	115,429	40,249
India	2.8	1.1	35,329	17,439

- Penurunan kadar kesuburan juga memberi kesan terhadap **saiz purata sebuah keluarga** di Malaysia. Jika pada tahun 1970 satu isi rumah memiliki lebih daripada 5 ahli keluarga (5.5), angka itu kini menurun kepada 3.7. Perlis memiliki saiz isi rumah terkecil iaitu 3.1 orang manakala Kelantan pula yang terbesar iaitu 4.8 orang.
- Apabila dibandingkan dengan **negara-negara ASEAN**, TFR Malaysia (1.6) berada di kedudukan ketiga terendah selepas Singapura (0.9) dan Thailand (1.2). Di peringkat global pula, Korea Selatan (0.7) berada di kedudukan teratas dan diikuti oleh Hong Kong (1.0) dan Itali (1.2).
- Antara **punca utama** penurunan kadar kesuburan adalah disebabkan oleh kelewatan atau penurunan kadar perkahwinan, menurut Chai Sen Tyng,

penyelidik kanan Malaysian Research Institute on Ageing (MyAgeing) UPM. Jika pada tahun 1970, secara purata lelaki di Malaysia berkahwin pada usia 26 tahun dan wanita ketika umur 22 tahun, kini meningkat kepada 31 tahun bagi lelaki dan 29 tahun bagi wanita.

- Meskipun ramai beranggapan punca pasangan mahu melahirkan kurang anak adalah disebabkan peningkatan kos sara hidup dan kos membesarkan anak, namun hakikatnya pasangan kini mempunyai nilai dan kepercayaan yang berbeza.
- Tahap pendidikan wanita memainkan peranan, apabila wanita yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi mempunyai pilihan kerjaya dan tidak mahu terikat dengan penjagaan anak.
- Ramai pakar memberi amaran, jika trend penurunan kadar kelahiran ini berterusan, kita akan melihat **keruntuhan tamadun manusia**. Kerajaan Malaysia khususnya perlu merangka dasar yang menggalakkan kelahiran dan sudah tentu ia melibatkan pelbagai dimensi seperti sektor kesihatan, polisi majikan syarikat dan kemakmuran ekonomi.

RUJUKAN

- https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/02/interactive-only-three-states-produce-enough-babies-to-replace-their-populations
- https://www.oecd.org/en/about/news/press-releases/2024/06/declining-fertility-rates-put-prosperity-of-future-generations-at-risk.html

SG4 Wujudkan Ekosistem Pelaburan Dinamik

- **State Government 4** (SG4) yang terdiri daripada negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Perlis adalah inisiatif kerjasama yang berpotensi untuk memacu pembangunan ekonomi dan sosial di negeri-negeri yang ditadbir di bawah Perikatan Nasional (PN). Melalui kerjasama ini, setiap negeri dapat memanfaatkan berdasarkan kelebihan dan kekuatan masing-masing.

- Kerjasama negeri-negeri SG4 membuka peluang besar dalam sektor utama seperti **pertanian, pelancongan, dan sumber asli**. Sebagai contoh, Terengganu yang mempunyai GDP sebanyak RM42.5 bilion pada 2021, berpotensi untuk memperluas sektor minyak dan gas yang menjadi penyumbang utama kepada ekonominya.

- Di samping itu, negeri seperti Kelantan dan Perlis, dengan masing-masing RM25.5 bilion dan RM5.7 bilion dalam GDP, boleh memanfaatkan kerjasama untuk meningkatkan sektor pertanian dan pelancongan, yang menjadi asas ekonomi negeri tersebut.

- **Pembangunan infrastruktur** yang lebih bersepadu antara negeri SG4 berpotensi besar untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Kedah, negeri yang mencatatkan RM56.2 bilion dalam GDP pada 2021, boleh memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan perindustrian seperti di Kulim dan Sungai Petani. Infrastruktur yang baik akan membantu menghubungkan negeri-negeri ini, memudahkan pergerakan barangan dan perkhidmatan, serta menarik lebih banyak pelaburan asing.

- SG4 juga dilihat sebagai platform untuk menarik **pelaburan asing**, terutamanya dalam sektor teknologi hijau dan eksplorasi nadir bumi (REE) di negeri-negeri seperti Terengganu dan Kedah. Potensi sektor-sektor ini dapat membantu meningkatkan daya saing negeri-negeri SG4 di peringkat

antarabangsa dan mencipta peluang pekerjaan baru bagi penduduk tempatan.

- Walaupun potensi kerjasama SG4 adalah besar, **kekangan sumber kewangan** di negeri-negeri seperti Kelantan dan Perlis boleh menghalang kemajuan projek-projek pembangunan. Kelantan dan Perlis masih menghadapi cabaran besar dalam menarik pelaburan yang mencukupi untuk menyokong infrastruktur dan pembangunan ekonomi. Oleh itu, kerjasama antara negeri dan sokongan daripada kerajaan persekutuan amat diperlukan untuk memastikan projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

- Selain itu, setiap negeri dalam SG4 mempunyai **keutamaan ekonomi yang berbeza**. Sebagai contoh, Kelantan lebih menumpukan kepada pembangunan pertanian, manakala Terengganu menekankan industri minyak dan gas. Ketidaksejajaran ini boleh menyukarkan perancangan kerjasama strategik yang berkesan. Cabaran untuk menyelaraskan matlamat dan dasar ini memerlukan dialog dan komitmen yang kuat daripada semua negeri.

- **Pembangunan modal insan** adalah kunci kepada kejayaan SG4. Untuk memastikan kejayaan jangka panjang, negeri-negeri SG4 perlu meningkatkan pendidikan dan latihan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Negeri seperti Perlis, dengan ekonomi yang kecil, memerlukan sokongan tambahan dalam membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing di peringkat nasional dan global.

- SG4 adalah sebuah inisiatif penting yang berpotensi membawa perubahan besar kepada negeri-negeri pembangkang. Dengan sumber asli yang berbeza dan peluang untuk bekerjasama dalam sektor-sektor strategik seperti pertanian, pelancongan, dan nadir bumi, SG4 berpotensi meningkatkan GDP dan taraf hidup penduduknya.

RUJUKAN

- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1129707/sg4-akan-guna-kelebihan-zon-industri-lebih-luas-kos-lebih-efektif-untuk
- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/09/02/terengganu-mb-sg4-drawing-interest-from-glcs-foreign-firms-for-rare-earth-exploration/148989
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2023/09/21/the-economic-potential-of-the-sg4/



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**